

## **KEBERKESANAN PROGRAM BANDAR SELAMAT DARI PERSEPSI PENDUDUK KAJIAN KES: BANDARAYA SHAH ALAM**

AINUR ZAIREEN ZAINUDIN<sup>1</sup> & JALALUDDIN ABDUL MALEK<sup>2</sup>

**Abstrak.** Proses pembedaran telah menimbulkan pelbagai implikasi kepada masyarakat di bandar. Sejak kebelakangan ini, keselamatan merupakan antara isu utama yang sering dipertakutkan oleh masyarakat di bandar. Rentetan itu, Malaysia turut tidak terkecuali melaksanakan pelbagai strategi melalui Program Bandar Selamat bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan masyarakat. Kajian ini cuba menyingkap secara terperinci tentang konsep Bandar Selamat dengan mengambil satu pendekatan kajian kes ke atas kawasan perumahan di Bandaraya Shah Alam yang bertujuan untuk memahami konsep sebenar pelaksanaan bandar selamat serta keberkesanannya untuk meningkatkan tahap keselamatan penduduk. Penilaian ke atas program ini diperolehi menerusi kaedah temu bual dengan penduduk Bandaraya Shah Alam. Kajian ini mendapati bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan konsep bandar selamat yang amat bergantung kepada persekitaran fizikal. Strategi ini dipercayai dapat mencegah perilaku jenayah sekali gus meningkatkan tahap keselamatan penduduk. Bagaimanapun, kajian telah membuktikan bahawa faktor-faktor fizikal kurang diberi perhatian oleh penduduk, sebaliknya mereka telah melaksana langkah-langkah keselamatan menerusi pelbagai kegiatan kemasyarakatan untuk mencegah perilaku jenayah di kawasan tempat tinggal mereka.

*Kata kunci:* Keselamatan; bandar selamat; jenayah; CPTED; perumahan

**Abstract.** In recent years, safety becomes one of prominent issues amongst urban community. This issue has led to the implementation of Safe City Programme in Malaysia as to strengthening the urban community safety. In Malaysia, Shah Alam City has been declared as the first Safe City in this country. However, this recognition is arguable due to its crime rates, which is found higher compared with other cities. In fact, crime rates appear to be common indicator among the urban community for measuring the urban safety. Therefore, a case study has been carried out in Shah Alam residential area as to have better understanding about the concept of Safe City Programme and its effectiveness towards community safety. The evaluation is based on the community perception in which, gathered from in-depth interview. It is found that the respective local authority is highly relied on the physical environment that is believed to be effective in preventing crime. On the other hand, the physical factor has brought less effect to the community, but they have come up with their own safety strategies through numerous social activities as to combat crime at their place.

*Keywords:* Safety; safe city; crime; CPTED; residential

<sup>1</sup> Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor

Email: [ainurzaireen@utm.my](mailto:ainurzaireen@utm.my)

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi

Email: [jbam@ukm.my](mailto:jbam@ukm.my)

## 1.0 PENGENALAN

Proses pembandaran telah menimbulkan pelbagai permasalahan di kawasan-kawasan bandar. Antara masalah pembandaran yang hangat diperkatakan bukan sahaja di peringkat tempatan bahkan hingga ke peringkat antarabangsa adalah isu keselamatan masyarakat yang dikhuatiri semakin mengancam kualiti hidup masyarakat di bandar (UN-Habitat, 1996). Cummins (1999) mendakwa bahawa keadaan ini tentunya akan mempengaruhi aspirasi pembangunan lestari untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat hari ini dan generasi akan datang. Kepentingan aspek keselamatan ini juga sebenarnya telah diberi penekanan sebelumnya oleh Maslow (1954) yang telah meletakkannya sebagai ukuran kedua selepas keperluan fisiologi sebagai syarat untuk mencapai kualiti hidup yang baik.

Konsep bandar selamat merupakan konsep mikro yang memberi fokus utama kepada masalah jenayah di bandar bagi merealisasikan tujuan yang lebih makro, iaitu mewujudkan suasana bandar mapan yang berdaya humi. Konsep bandar selamat menjadi semakin penting apabila *UN-Habitat Nations* (UN-Habitat) menekankan kepentingannya pada tahun 1996 berikutan peningkatan kadar kes jenayah di bandar-bandar seluruh dunia yang telah menganjurkan agar Program Bandar Selamat ini dilaksanakan melalui kerjasama antara pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi lain serta orang awam (UN-Habitat, 1996).

Namun hakikatnya, prinsip keselamatan dalam pembangunan bandar telah dibincang sejak zaman *ancient city* lagi sehinggalah ke zaman *medieval city*, *renaissance city* termasuk zaman kebangkitan tamadun Islam di Eropah (Crouch, 1985). Prinsip keselamatan yang diutamakan pada zaman tersebut bertujuan untuk mempertahankan bandar dari serangan musuh sekali gus membuktikan bahawa isu keselamatan di kawasan bandar telah sekian lama menjadi agenda utama dalam pembangunan bandar. Kemudiannya, pada zaman moden lahirlah pemikiran-pemikiran baru dalam pembangunan. Antara pemikiran moden dalam membicarakan isu keselamatan pembangunan bandar ialah pemikiran aliran *Chicago School* yang melihat kepada proses pembandaran, pemikiran aliran *Frankfurt School* yang mengkaji hubungan manusia dengan rupa bentuk bandar dan aliran *Los Angeles School* lebih melihat bandar daripada sudut imej estetika dan masyarakatnya (Neutra *et al.* 1981; Burchell dan Sternlieb, 1984).

Kini, konsep bandar selamat yang diperkenalkan di bawah Program Bandar Selamat UN-Habitat memberi tumpuan kepada usaha-usaha pencegahan jenayah berikutan meningkatnya kes tersebut terutamanya di kawasan bandar. Oleh yang demikian, kadar kes jenayah telah dijadikan sebagai salah satu indikator bagi menentukan sesebuah bandar itu sesuai didiami. Seperti mana Cozens *et al.* (2001, 2002, 2005), Eynde *et al.* (2003), Yuen (2004) dan Rondeau *et al.* (2005) turut memberi fokus kepada permasalahan jenayah di bandar dalam membincangkan tentang konsep bandar selamat dalam kajian mereka. Yahaya (2006) juga menegaskan bahawa bandar yang paling sesuai didiami merupakan bandar yang mempunyai kadar kes jenayah yang

rendah. Malahan, kajian terdahulu telah membuktikan bahawa masyarakat juga menuntut agar permasalahan jenayah hendaklah terlebih dahulu ditangani bagi mewujudkan bandar yang selamat didiami (Yuen, 2004).

Rentetan daripada itu, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) juga telah mengemukakan cadangan agar kerajaan melaksanakan program yang seumpamanya sebagai langkah untuk menangani isu jenayah di Malaysia. Ia kemudiannya membawa kepada pelancaran Program Bandar Selamat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 10 Ogos 2004 (Lee, 1998; Anon, 2004; Anon, 2005; Yeoh, 2006). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat di negara ini dengan meningkatkan tahap keselamatan masyarakat di bandar. Di Malaysia, konsep bandar selamat telah didefinisikan sebagai bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental di samping persekitaran yang sentiasa berada dalam keadaan paling terpelihara (Anon, 2004). Sehingga kini, konsep bandar selamat di negara ini telah direalisasikan melalui perlaksanaan garis panduan pencegahan jenayah yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). Garis panduan tersebut mengandungi 23 langkah yang mengambil pendekatan pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran fizikal, memperkasakan kawasan sasaran serta melalui pendidikan dan kegiatan kemasyarakatan. Langkah-langkah ini perlu dilaksanakan oleh semua pihak berkuasa tempatan di peringkat perbandaran dan bandaraya (Kamalruddin, 2006).

Secara sejarahnya, Bandaraya Shah Alam merupakan bandar pertama di negara ini yang diisytiharkan sebagai bandar yang selamat. Bagaimanapun jika kadar kes jenayah dijadikan kayu pengukur bandar selamat, pengiktirafan yang diberikan kepada Bandaraya Shah Alam menjadi satu persoalan. Ini kerana, kedudukan bandaraya ini berada di tangga kelima mempunyai kadar kes jenayah indeks tertinggi berbanding bandar-bandar lain di negeri Selangor pada tahun 2005 (Yahaya, 2006). Kadar kes jenayah kekerasan di bandaraya itu juga terus meningkat pada tahun 2005 berbanding tahun sebelumnya (Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam, 2006). Situasi ini menimbulkan tanda tanya, tentang pemahaman sebenar konsep bandar selamat yang dilaksanakan di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan konsep bandar selamat yang telah dilaksanakan serta keberkesannya dalam mengurangkan perasaan tidak selamat dalam kalangan penduduk dengan merujuk kepada perlaksanaannya di Bandaraya Shah Alam.

## 2.0 STRATEGI PENCEGAHAN JENAYAH

Isu-isu jenayah sebenarnya telah dibincangkan sejak sekian lama. Pada pertengahan kurun ke-19, ia lebih bertumpu kepada kajian kriminologi yang mengkaji tentang sifat penjenayah dan perlakuan jenayah. Namun begitu, pada awal kurun ke-20 dan sehingga ke hari ini, kajian dan perbincangan mengenainya mula memberi perhatian kepada usaha-usaha pencegahan. Strategi pencegahan jenayah boleh dibahagikan kepada tiga

pendekatan, iaitu pencegahan primer, pencegahan sekunder dan pencegahan formal (Brantingham & Faust, 1976; Lab, 1988; Yahaya, 2006).

## 2.1 Pencegahan Primer

Strategi pencegahan primer dilakukan dengan mengenal pasti persekitaran fizikal dan sosial yang berpotensi mewujudkan peluang kepada perilaku jenayah. Elemen fizikal dipercayai berupaya memberi kesan bukan sahaja kepada penjenayah malahan memberi pengaruh yang besar kepada penduduk. Apabila persekitaran fizikal disuntik dengan ciri-ciri keselamatan, maka penjenayah akan lebih berisiko untuk melakukan sebarang perbuatan jenayah. Pada masa yang sama bagi penduduk pula, persekitaran fizikal yang baik akan melahirkan nilai-nilai bertanggungjawab dan usahasama untuk menjaga atau mengawasi persekitaran mereka daripada ancaman jenayah.


Kesan-kesan yang disebutkan di atas dapat diperjelaskan lagi melalui *Teori Defensible Space* (Newman, 1972). Teori ini menekankan dua jenis tingkah laku sosial yang asas, iaitu kewilayahan dan pengawasan semulajadi. Newman (1972) menganggap bahawa kedua-dua tingkah laku sosial ini saling berkaitan antara satu sama lain. Kewilayahan merupakan perasaan kepunyaan atau *sense of belonging* yang dimiliki oleh setiap individu apabila mendiami sesebuah lokasi. Pengaruh imej yang lahir dari reka bentuk persekitaran amat penting bagi melahirkan perasaan kepunyaan ini (sepertimana Lynch (1960) yang mengiktiraf pengaruh imej dan persekitaran dalam menentukan perilaku jenayah dan perasaan takut kepada jenayah). Ini kerana, imej dipercayai dapat melahirkan persekitaran sama ada yang 'hidup' atau 'terasing' kepada penghuninya. Sesebuah kawasan kejiranan yang disediakan pelbagai kemudahan akan menggalakkan interaksi sesama ahli di dalam sesebuah komuniti. Menurut Wilson dan Kelling (1982), interaksi sesama ahli komuniti amat penting untuk menghidupkan semangat kejiranan. Dengan semangat kejiranan yang kukuh, perasaan kepunyaan akan terpupuk dalam kalangan penduduk sesuatu tempat.

Melalui konsep kewilayahan, penghuni sesebuah tempat akan menganggap mereka adalah pemilik kepada kawasan yang didiaminya dan secara semulajadi mewujudkan rasa tanggungjawab untuk memelihara serta mengawasi persekitaran kawasan. Konsep ini tidak terbatas dalam ruang lingkup rumah kediaman masing-masing malahan turut meliputi kehidupan di persekitarannya. Ini bertepatan dengan dakwaan Newman (1972) bahawa sesebuah kawasan itu akan lebih mudah terancam sekiranya tidak wujud perasaan kepunyaan dan semangat kejiranan dalam kalangan ahli komunitinya. Ini kerana, jika hubungan antara jiran amat rapat, mereka secara semulajadi akan menjadi lebih peka terhadap orang asing yang hadir di dalam persekitaran komuniti mereka. Pengawasan semulajadi ini merujuk kepada kebolehan penduduk untuk mengenal pasti peluang-peluang berunsurkan jenayah semasa menjalani kehidupan mereka seharian.

Bagi Paulsen dan Robinson (2004) pula, idea Newman dikatakan telah banyak dipengaruhi oleh kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu

seperti Elizabeth Wood (1961, 1967) dan Jane Jacobs (1961). Wood percaya bahawa kualiti reka bentuk persekitaran kawasan perumahan hendaklah dijaga tidak kira ia adalah perumahan mewah mahupun perumahan kos rendah. Bagi meningkatkan kualiti tersebut, maka Wood menyarankan agar setiap kawasan perumahan mempunyai ciri-ciri reka bentuk yang dapat meningkatkan jarak penglihatan antara setiap unit rumah serta memerlukan ruang yang membolehkan ahli komuniti bertemu dan berinteraksi. Dengan kaedah ini, ia secara tidak langsung akan mewujudkan pengawasan secara semulajadi di kawasan perumahan tersebut. Jacobs juga menekankan kepentingan interaksi antara ahli-ahli komuniti. Oleh yang demikian, Jacobs menyarankan agar ruang-ruang awam di kawasan perumahan seharusnya dipenuhi dengan pelbagai kegiatan kemasyarakatan.

Idea Newman turut mempengaruhi Jeffrey (1972) yang telah mengemukakan model pencegahan jenayah melalui Teori *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED). Teori ini menyebut bahawa pengubahsuaian yang dilakukan ke atas persekitaran fizikal sesebuah kawasan dengan tujuan untuk memperkasakan kawasan tersebut akan memudahkan komuniti mengawasi kawasan mereka. Model pencegahan jenayah CPTED ini mempunyai enam komponen utama seperti mana ditunjukkan oleh Rajah 1.



**Rajah 1** Komponen CPTED

Sumber: Cozens *et al.* (2001)

Berdasarkan Rajah 1, komponen-komponen CPTED masih mengekalkan fungsi aspek kewilayahan, imej dan pengawasan seperti yang telah dikemukakan dalam *Teori Defensible Space*. Bagaimanapun, komponen pengawasan yang dikemukakan Jeffrey tidak hanya terbatas kepada pengawasan semulajadi, tetapi merangkumi pengawasan formal dan pengawasan mekanikal. Pengawasan formal merujuk kepada penyediaan pengawal keselamatan serta rondaan keselamatan manakala, pengawasan mekanikal melibatkan penggunaan alat-alat keselamatan seperti *Closed Circuit Television* (CCTV) dan proses pencahayaan. Begitu juga dengan imej, Jeffrey (1972) menambah bahawa penyelenggaraan juga penting untuk memelihara kualiti imej sesebuah kawasan. Penyelenggaraan boleh dilakukan dengan menjaga kawasan-kawasan terbiar agar tidak menjadi sarang jenayah seperti jenayah dadah. Jika ia dilakukan secara berterusan, persekitaran fizikal akan dapat terus berfungsi secara efektif bagi membolehkan hubungan sosial antara masyarakat terjalin sekali gus bagi meningkatkan pengawasan semula jadi (Cozens *et al.* 2005).

Dalam pada itu juga, model ini diperkukuhkan lagi dengan adanya komponen-komponen lain seperti kawalan akses, aktiviti sokongan dan memperkasa kawasan sasaran. Menurut teori ini, kawalan akses amat penting untuk mengawal aktiviti keluar masuk ke sesebuah kawasan. Oleh itu, komuniti akan lebih mudah mengesan kehadiran orang asing ke dalam komuniti mereka. Kawalan akses boleh dilakukan sama ada dengan menggunakan alat kawalan mekanikal seperti pagar dan kunci atau boleh juga menggunakan perkhidmatan pengawal keselamatan. Komponen aktiviti sokongan juga masih menunjukkan kebergantungan kepada elemen fizikal kerana sesebuah kawasan perlu disediakan dengan ruang awam yang boleh menggalakkan pertemuan dan interaksi antara setiap ahli komuniti. Dengan itu, kemudahan yang disediakan akan dapat membantu pembentukan pelbagai aktiviti sosial dalam komuniti tersebut. Cozens *et al.* (2005) juga menyatakan bahawa laluan pejalan kaki yang sibuk turut berupaya membantu mengurangkan kadar jenayah. Manakala, komponen terakhir, iaitu memperkasakan kawasan sasaran pula bertujuan untuk meningkatkan risiko kepada penjenayah. Ia dilakukan dengan membataskan laluan ke kawasan sasaran dengan menggunakan penghadang fizikal seperti pagar, kunci keselamatan, penggera keselamatan serta perkhidmatan pengawal keselamatan.

Secara keseluruhannya, komponen-komponen Model CPTED mempunyai perkaitan antara satu sama lain serta mempunyai matlamat yang sama. Terutamanya komponen kewilayahan, imej dan penyelenggaraan, pengawasan dan aktiviti sokongan yang bertujuan untuk mewujudkan kesepaduan sosial antara ahli-ahli komuniti. Ia dilakukan dengan mengubahsuai persekitaran fizikal agar sesebuah ruang dapat digunakan dengan efektif oleh ahli komunitinya untuk berinteraksi. Interaksi yang baik akan meningkatkan semangat kejiranan yang secara tidak langsung penting bagi mewujudkan pengawasan semulajadi ke atas kawasan yang didiami. Pada masa yang sama juga, kadar kes jenayah akan dapat dikurangkan. Banyak kajian telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu untuk menguji hipotesis ini. Bagaimanapun, reka bentuk persekitaran fizikal didapati tidak memberi pengaruh yang besar dalam

memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan ahli komuniti di sesebuah kawasan untuk mengawasi kawasan mereka daripada ancaman penjenayah. Malah Newman sendiri membuktikan bahawa pengawasan semulajadi sebenarnya telah dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial berbanding faktor-faktor reka bentuk fizikal sesebuah kawasan (Newman & Franck, 1980; Merry, 1981).

Faktor-faktor sosial lebih menonjol melalui langkah pengawasan yang dilakukan oleh komuniti. Ia merupakan antara pendekatan yang digunakan di bawah pencegahan primer yang dilakukan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan penduduk untuk mengawal dan memerhati penjenayah (Yahaya, 2006). Kaedah ini dikenali juga sebagai Kepolisian Masyarakat, iaitu kaedah tidak formal oleh jiran tetangga untuk membantu antara satu sama lain dalam usaha melindungi kawasan daripada ancaman jenayah dengan saling bertanggungjawab dalam menjaga rumah dan keselamatan kawasan (Lab, 1988; Mohd Reduan, 1990) secara sukarela. Perkara paling utama yang perlu ada dalam strategi ialah sikap ambil tahu serta memberi perhatian terutamanya di kawasan kejiranan. Secara tidak langsung, ahli komuniti boleh bertindak sebagai mata dan telinga bagi pihak polis atas dasar bahawa pencegahan jenayah akan hanya menjadi lebih berkesan dengan adanya penyertaan dan komitmen oleh segenap lapisan masyarakat (Mohd. Reduan, 1990; Yahaya, 2006).

Antara langkah yang digunapakai adalah melalui rukun tetangga, rondaan oleh penduduk sendiri dan aktiviti gotong-royong. Banyak kajian membuktikan bahawa apabila pengawasan komuniti dilakukan secara proaktif di sesebuah kawasan, kadar kes jenayah dapat dikurangkan. Ia turut mengurangkan perasaan bimbang atau takut dalam kalangan ahli komuniti. Malah, dapat menimbulkan keyakinan terhadap tahap keselamatan kawasan mereka lahir kerana wujudnya hubungan yang erat antara jiran tetangga. Malahan, banyak juga kajian turut membuktikan bahawa persekitaran fizikal yang berupaya menjadi peluang kepada perilaku jenayah juga sebenarnya bergantung kepada komuniti itu sendiri untuk mengenal pasti kegunaannya dan seterusnya bertindak untuk mengatasi masalah tersebut (Lab, 1988).

## 2.2 Pencegahan Sekunder

Pencegahan peringkat ini dilakukan dengan mengenal pasti penjenayah dan mengambil tindakan proaktif sebelum jenayah dilakukan. Jika di peringkat utama, langkah-langkah pencegahan dilakukan untuk mengurangkan perlakuan jenayah dengan menggunakan elemen fizikal dan sosial, namun pencegahan di peringkat sekunder lebih menumpukan kepada faktor-faktor sedia ada yang mempengaruhi perlakuan jenayah. Fokus utama pencegahan di peringkat ini dilaksanakan melalui aspek pendidikan bagi membentuk nilai-nilai moral yang baik agar seseorang individu tidak terjebak dengan kegiatan jenayah. Misalnya, melalui program-program yang melibatkan remaja seperti Rakan Muda dan Kelab Sosial. Menurut Yahaya (2006), program-program sebegini akan dapat memenuhi masa-masa terluang sekali gus mengurangkan peluang belia untuk terbabit dalam kegiatan negatif.

Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat isi kandungan setiap program perlu diberi lebih perhatian agar pengisiannya dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai moral yang tinggi. Ini bertepatan dengan aspirasi yang dibawa oleh pendekatan Islam Hadhari yang menekankan pembangunan insan melalui penguasaan ilmu pengetahuan. Prinsip asas Islam Hadhari juga telah menekankan kepentingan kualiti hidup dengan cara menjaga kebajikan masyarakat. Kebajikan masyarakat ini hanya dapat dicapai apabila segala keperluan asas dan kehendak setiap individu dipenuhi. Namun begitu, perincian bagi setiap keperluan dan kehendak itu masih bergantung kepada individu itu sendiri. Oleh yang demikian, bagi memastikan pengertian keperluan dan kehendak setiap individu itu berlandaskan kepada lunas-lunas Islam maka melalui pendekatan Islam Hadhari, Abdullah (2006) telah menganjurkan agar ia dicapai dengan menitikberatkan pembangunan insan melalui penguasaan ilmu pengetahuan. Ia menjadi asas penting untuk melahirkan masyarakat yang bermoral tinggi.

### 2.3 Pencegahan Formal

Pendekatan formal pula melibatkan penjenayah secara langsung, iaitu dengan mengambil tindakan supaya penjenayah tidak mengulangi perlakuan jenayah (Lab, 1988; Yahaya, 2006). Oleh yang demikian, peringkat ini lebih banyak merujuk kepada strategi pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh sistem pengadilan, iaitu pihak polis dan institusi kehakiman. Penguatkuasaan undang-undang diperkuatkan dengan penggubalan pelbagai undang-undang jenayah serta tindakan pihak polis yang proaktif dalam menangani masalah-masalah jenayah yang berlaku dalam masyarakat. Antara yang dilakukan adalah melalui hukuman atau program pemulihan yang bertujuan untuk menghalang penjenayah daripada mengulangi kesalahannya di masa akan datang.

## 3.0 METODOLOGI

Metodologi penyelidikan ini terbahagi kepada dua. Pertama metodologi pemahaman dan yang kedua metodologi kajian.

### 3.1 Metodologi Pemahaman

Idea asal pembangunan bandar selamat merupakan dasar, cadangan dan pelaksanaan daripada pihak berkuasa (*authority defined*). Ini bermakna, cadangan dan pelaksanaan bandar selamat lebih cenderung kepada pendekatan pembangunan *top-down*. Kajian ini menjangkakan tidak semua cadangan dan pelaksanaan konsep bandar selamat boleh diterima oleh semua penduduk. Kesesuaian bandar selamat perlu dilihat menurut pandangan penduduk dan pihak awam (*everyday defined*). Penduduk dan pihak awam sebagai golongan *everyday* didefinisikan mempunyai pandangan dan cadangan mereka sendiri terhadap dasar dan pelaksanaan bandar selamat. Pandangan *everyday defined*



sangat penting bagi merealisasikan pemuafakatan pembangunan bandar selamat. Konsep ini bertujuan untuk memperbaiki dan menilai tambah pelaksanaan program bandar selamat sesuai dengan kehendak dan hasrat penduduk.

Program Bandar Selamat yang dilaksanakan di Bandaraya Shah Alam didapati lebih tertumpu kepada proses pembangunan secara *top-down*. Ini terbukti program bandar selamat yang dilaksana turut mengguna pakai garis panduan pencegahan jenayah yang ditetapkan oleh JPBD. Ia mengandungi 23 langkah pencegahan jenayah yang telah mengaplikasikan model pencegahan jenayah berasaskan faktor persekitaran fizikal dan sosial. Berdasarkan faktor sosial dan keperluan kepada mengambil kira pandangan golongan *everyday defined*, kajian ini menilai program bandar selamat dari sudut penilaian kualitatif.

Sejajar dengan pemahaman kajian di atas seramai tujuh individu yang tinggal di Bandaraya Shah Alam dipilih sebagai responden. Tujuh orang dipilih sebagai responden terdiri daripada berbagai latar belakang dan jantina (Jadual 1). Mereka ditemu bual secara mendalam bagi mengenal pasti keberkesanan program bandar selamat. Temu bual mendalam juga dilakukan untuk mengukur keberkesanan indikator bandar selamat sama ada mencapai tahap keselamatan kepada penduduk di bandaraya. Kajian ini juga memberi fokus kepada langkah-langkah pencegahan jenayah yang terdapat di kawasan-kawasan perumahan Bandaraya Shah Alam. Tumpuan utama kajian ialah kepada jenis permasalahan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.

Ini bermakna reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian kes. Penemuan kajian hanya berdasarkan respon bersama tujuh orang responden. Penemuan kajian tidak menggambarkan satu penemuan yang boleh dibuat kesimpulan secara umum. Namun begitu kajian kes ini sesuai sebagai satu kaedah yang digunakan bertujuan untuk menyiasat secara mendalam tentang sesuatu program khususnya pandangan daripada golongan *everyday defined* (Syed Arabi, 1998 & Creswell, 2003).

### 3.2 Metodologi Kajian

Data berkaitan keberkesanan Program Bandar Selamat dikumpulkan melalui kaedah temu bual dengan responden yang dipilih berdasarkan ciri-ciri demografi yang berbeza. Kaedah ini penting kerana ia berupaya mengukur tahap keberkesanan bandar selamat menurut pandangan responden (Pain dan Townshend, 2002). Tujuh orang responden yang ditemu bual diperolehi secara *snowballing* serta mewakili pelbagai ciri demografi seperti umur, kaum, gender, pekerjaan dan tempat tinggal. Analisis demografi ditunjukkan melalui Jadual 1. Selain itu, ada di antara responden yang menjadi ahli jawatankuasa persatuan penduduk serta mempunyai pengalaman atau mangsa perbuatan jenayah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pandangan yang dikumpulkan dari tujuh responden tersebut tidak mewakili keseluruhan penduduk Bandaraya Shah Alam. Penemuan kajian ini hanya merupakan pandangan dari perspektif individu yang menetap di bandaraya ini.

**Jadual 1** Latar belakang responden

Responden	Umur	Gender	Bangsa	Status	Pekerjaan	Perwakilan
R1	27	Wanita	Melayu	Berkahwin	Pegawai Tadbir	Profesional
R2	38	Lelaki	Melayu	Berkahwin	Pembantu Tadbir	AJK Persatuan Penduduk
R3	50	Lelaki	Melayu	Berkahwin	Pembantu Tadbir	AJK Rukun Tetangga
R4	60	Lelaki	Melayu	Berkahwin	Perunding	Wakil NGO
R5	30	Wanita	Melayu	Bujang	Eksekutif HRD	Gated society
R6	32	Wanita	Melayu	Bujang	Setiausaha	Gated society
R7	23	Wanita	India	Bujang	Juruwang	Wakil NGO

Sebelum ini, teknik kualitatif tidak begitu popular digunakan dalam kajian mengenai program bandar selamat. Kebiasaan kajian-kajian yang lepas lebih mengguna teknik kuantitatif dalam mengkaji keberkesanan program bandar selamat. Kajian oleh Moser & McIlwaine (2001, 2006), Moser (2004) sudah mula mengguna kaedah kualitatif, iaitu pemilihan responden secara *snowballing* merupakan cara terbaik kepada bentuk kajian seperti ini. Kaedah ini boleh memahami fenomena sosial dengan lebih cepat, hasil perkenalan antara satu responden dengan responden lain dan mereka mempunyai pengalaman yang sama walaupun mempunyai pandangan yang berbeza. Keunikan kajian kualitatif kerana ia memberi tumpuan kepada ciri-ciri khusus dan keseluruhan kes dalam usaha mencari keunikan setiap kes yang dikaji. Mengkaji pendapat golongan *everyday defined* memerlukan teknik kualitatif kerana ia menekankan kepada pemahaman tentang fenomena sosial dari perspektif kajian. Ia mempunyai unsur interpretif yang bertujuan untuk mencari makna sesuatu perkara atau peristiwa yang dialami oleh individu dan interpretasi makna-makna tersebut dilakukan bersama oleh responden dan penyelidik (Othman, 2007).

Aspek temu bual terhadap responden memberi tumpuan kepada tiga perkara utama. Pertama, aspek pemahaman responden tentang persoalan keselamatan. Kedua, pengetahuan responden tentang Program Bandar Selamat di kawasan kajian. Ketiga, persepsi responden tentang tahap keselamatan mereka setelah adanya Program Bandar Selamat di kawasan kajian. Soal selidik dibahagi kepada tiga bahagian, iaitu pertama soal selidik profil responden. Kedua, soalan yang berkaitan dengan tahap pemahaman responden tentang kualiti hidup serta pengetahuan mereka tentang Program Bandar Selamat. Bahagian ketiga pula ialah soalan berkaitan dengan langkah-langkah pencegahan jenayah yang dilaksanakan di kawasan perumahan. Soalan ini dikemukakan semasa temuramah dengan Pegawai MBSA yang terlibat serta dengan melakukan tinjauan di kawasan kajian.

Semasa temu bual berlangsung, semua pernyataan responden direkod menggunakan alat perakam suara yang akan diterjemah serta dianalisis oleh penyelidik. Semasa

proses transkrip, semua butir perbualan ditulis semula. Nama sebenar responden tidak dinyatakan, sebaliknya dilabelkan sebagai responden R1, R2, R3, ... Rn bagi memelihara identiti sebenar responden. Analisis data kualitatif diperolehi daripada data temu bual dengan responden dianalisis dengan menunjukkan pernyataan responden secara kata demi kata serta menggunakan tanda [...]. Ia juga bertujuan untuk memperlihatkan pernyataan yang digugurkan oleh pengkaji kerana ia tidak digunakan dalam analisis seperti mana kaedah yang digunakan oleh Pain dan Townshend (2002).

#### **4.0 PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT DI KAWASAN PERUMAHAN BANDARAYA SHAH ALAM**

##### **4.1 Pengiktirafan Sebagai Bandaraya Selamat**

Program Bandar Selamat mempunyai empat matlamat utama yang telah digariskan oleh KPKT dan perlu dipenuhi oleh setiap PBT di peringkat perbandaran dan bandaraya bagi mewujudkan bandar yang selamat. Keempat-empat matlamat tersebut ialah (1) bandar yang bebas daripada keganasan nyawa dan harta seperti kecurian, rompakan, ragut dan seumpamanya; (2) bandar yang bebas daripada kemusnahan akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh; (3) bandar yang bebas daripada kemerosotan sosial dan moral seperti penagihan dadah, jenayah kolar putih, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah serta seumpamanya; dan (4) bandar yang bebas daripada kemalangan seperti kemalangan jalan raya dan kebakaran (JPBD, 2005). Sehubungan itu, PBT di kawasan kajian turut menerima pakai takrifan konsep bandar selamat dan keempat-empat matlamat yang sama seperti ditetapkan oleh pihak penggubal dasar, iaitu KPKT.

Kesungguhan PBT untuk menjadikan Bandaraya Shah Alam sebagai bandaraya yang selamat untuk penduduknya dilakukan dengan memberikan sepenuh komitmen terhadap matlamat konsep bandar selamat seperti mana dikehendaki oleh KPKT dengan mematuhi semua 23 langkah pencegahan jenayah Program Bandar Selamat, iaitu bagi mencapai matlamat pertama program ini. Didapati bahawa PBT tersebut telah mendahului senarai kemajuan pelaksanaan Program Bandar Selamat apabila berjaya mencapai tahap 100 peratus pelaksanaan pada Mac 2006. Pencapaian ini seterusnya telah melayakkannya diisytiharkan sebagai Bandaraya Selamat oleh KPKT pada April 2006 (Kamalruddin, 2006).

Secara amnya, pengisytiharan taraf Bandaraya Selamat ini menunjukkan pencapaian yang agak memberangsangkan. Namun dari sudut yang lain pula didapati bahawa keseluruhan indeks jenayah harta benda dalam negara masih tidak menunjukkan penurunan yang menggalakkan. Kamalruddin (2006) mendedahkan bahawa kebanyakan kes jenayah yang melibatkan harta benda masih mengalami peningkatan kadar walaupun setelah Program Bandar Selamat telah dilaksanakan. Begitu juga, situasi di Bandaraya Shah Alam, walaupun setelah Program Bandar Selamat

dilaksanakan, kadar kes jenayah keganasan telah meningkat kepada 689 kes pada tahun 2005 berbanding 388 kes pada tahun 2004 dengan kadar kes jenayah yang melibatkan harta benda telah meningkat kepada 3747 kes pada tahun 2005 berbanding tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 2774 kes (Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam, 2006). Malahan, apabila dibandingkan jumlah kes jenayah indeks antara daerah-daerah di negeri Selangor pada tahun 2005, Bandaraya Shah Alam berada di tangga kelima dalam senarai tersebut dengan jumlah sebanyak 4590 kes. Kedudukan ini menunjukkan bahawa kadar kes jenayah indeks di Bandaraya Shah Alam masih tinggi berbanding daerah-daerah lain di negeri Selangor (Yahaya, 2006).

#### **4.2 Langkah-langkah Pencegahan Jenayah di Kawasan Perumahan**

Tidak kesemua 23 langkah pencegahan jenayah yang disenaraikan oleh JPBD telah dilaksanakan di kawasan perumahan sebaliknya diterima pakai mengikut kesesuaian setiap langkah tersebut (Jadual 2). Berdasarkan temu ramah dengan PBT serta pemerhatian yang telah dilakukan, berikut merupakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan di kawasan perumahan sekitar Bandaraya Shah Alam.

Perlaksanaan 23 langkah itu bukan sahaja menjadi tanggungjawab PBT semata-mata, malah memerlukan penglibatan pelbagai pihak lain. Perlaksanaan langkah-langkah yang melibatkan persekitaran fizikal memerlukan PBT bekerjasama dengan pihak pemaju kerana ia mengkehendaki agar semakan dilakukan ke atas garis panduan susun atur perumahan untuk memastikan agar susun atur dan reka bentuk bangunan mempunyai ciri-ciri keselamatan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat kepada penduduk. Antara langkah yang telah diambil oleh PBT untuk tujuan ini ialah mensyaratkan agar pihak pemaju membina laluan pejalan kaki yang berasingan dari jalan kenderaan bermotor dengan kelebaran antara tiga hingga lima kaki. Sepanjang laluan pejalan kaki tersebut juga perlu dilengkapi dengan tanaman landskap. Ia bukan sahaja bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan pejalan kaki, malah lebih penting ia dilakukan bagi mengelakkan berlakunya kejadian ragut dan samun (Ramlan, 2006).

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian didapati laluan-laluan pejalan kaki yang dipisahkan dari jalan bermotor dengan menggunakan penghadang khas seperti rel palang, *bollard* atau tanaman landskap tidak dilakukan secara menyeluruh di kawasan-kawasan perumahan di Shah Alam. PBT turut mengesahkan bahawa penghadang atau tanaman landskap kelazimannya hanya dibina di sempadan luar (sekeliling) sesebuah taman perumahan. Manakala, laluan-laluan pejalan kaki dalam kawasan taman perumahan dipisahkan tanpa sebarang penghadang.

Selain itu, pihak pemaju juga disyaratkan untuk menyediakan tempat letak motosikal berpalang dan berbumbung bagi pembangunan projek rumah bertingkat seperti rumah pangsa dan pangsapuri bertujuan untuk mengelakkan kejadian kecurian motosikal. Namun demikian, keberkesanan kemudahan tersebut masih bergantung kepada

**Jadual 2** Senarai langkah-langkah pencegahan jenayah di kawasan perumahan bandaraya Shah Alam

Langkah	Perkara
1	Pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor
2	Penyediaan <i>Bollard</i>
3	Mengawal tanaman landskap di laluan pejalan kaki
4	Pondok Polis
5	Mengemaskan kawasan semak dan terlindung
6	Tempat letak motosikal berkunci
7	Pemasangan lampu di kaki lima premis perniagaan
8	Tidak membenarkan perniagaan dan meletak kenderaan di kaki lima dan laluan pejalan kaki
9	Menjanakan aktiviti perniagaan
10	Perkhidmatan pengawal keselamatan swasta
11	Pendidikan
12	Pemasangan lampu di lorong tepi, depan dan belakang rumah
13	Menyediakan risalah jenayah komuniti
14	Meningkatkan rondaan kawasan perumahan

kesedaran pemilik-pemilik motosikal untuk menggunakannya. Ini kerana, pihak pemaju hanya disyaratkan untuk membina palang, sebaliknya rantai kunci hendaklah disediakan sendiri oleh pemilik motosikal masing-masing.

Sebagai langkah awal untuk mengeratkan kerjasama antara PBT dengan masyarakat setempat, PBT telah bertindak mewujudkan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di setiap kawasan pentadbirannya untuk mempererat kerjasama antara PBT dengan penduduk di samping memperkemas jaringan komunikasi antara keduanya. Penyebaran tentang Program Bandar Selamat kepada penduduk Bandaraya Shah Alam juga menjadi salah satu bidang tugas setiap MPP. Sehingga kini, aktiviti khas bagi menyebarkan kepada umum tentang program ini masih belum dijalankan secara bersepadu dan menyeluruh oleh MPP. Walau bagaimanapun, setiap MPP pernah diberikan taklimat pencegahan jenayah oleh pihak polis yang seharusnya disampaikan pula kepada komuniti di zon masing-masing.

## 5.0 KEBERKESANAN PROGRAM BANDAR SELAMAT DARI PERSEPSI PENDUDUK

### 5.1 Pemahaman Responden Tentang Kualiti Hidup

Kualiti hidup mempunyai pengertian yang amat luas. Jika menurut Maslow (1954), kualiti hidup yang baik dapat dicapai apabila semua keperluan hidup dapat dipenuhi oleh seseorang individu. Dalam hierarki keperluan hidup yang disenaraikan oleh Maslow, keselamatan menjadi keutamaan selepas keperluan fisiologi. Bagaimanapun, Yuen (1999), berpendapat ia amat bergantung kepada keperluan setiap individu. Oleh

yang demikian, dalam kajian ini soalan dikemukakan kepada responden untuk mengetahui keperluan dan keutamaan setiap responden bagi mencapai kualiti hidup yang baik. Cara ini akan dapat mengenal pasti sama ada responden turut meletakkan aspek keselamatan sebagai satu keutamaan. Hasil kajian mendapati hanya tiga responden yang mengambil kira aspek keselamatan sebagai keutamaan untuk mencapai kualiti hidup yang baik iaitu R1, R3 dan R5. Sementara responden-responden lain menganggap bahawa kehidupan mereka akan menjadi lebih baik apabila mempunyai segala keperluan yang bersifat material seperti rumah kediaman, kenderaan dan pendapatan. Namun demikian, jawapan oleh responden R1, R3 dan R5 tidak memperjelaskan 'keselamatan' yang dimaksudkan. Oleh yang demikian, soalan dikemukakan bagi tujuan tersebut. Responden-responden berpendapat bahawa selamat mempunyai erti seperti mana berikut:

- R1 : [...] selamat dari bencana alam [...] **kecurian** [...] persekitaran yang sihat.  
 R3 : [...] selamat dari **jenayah** [...] selamat dari bencana alam.  
 R5 : [...] **Tiada jenayah** [...]

Ketiga-tiga responden mempunyai pandangan tersendiri tentang keselamatan. Namun demikian, didapati ketiga-tiga responden berpendapat bahawa selamat bererti bebas daripada jenayah menjadikan ia sebagai indikator paling penting bagi responden-responden di atas untuk berasa selamat. Di samping itu, didapati bahawa perkara kedua penting untuk berasa selamat adalah bebas dari bencana alam seperti mana pandangan yang diberikan oleh R1 dan R3.

## 5.2 Pengetahuan Responden Tentang Program Bandar Selamat

Hasil kajian mendapati hanya satu responden (R3) yang pernah membaca tentang Program Bandar Selamat di akhbar tetapi masih tidak memahami intipati sebenar program tersebut kerana tidak memberikan perhatian terhadap isu tersebut pada ketika itu. Penerangan pengkaji tentang Program Bandar Selamat menimbulkan banyak reaksi di kalangan responden terutamanya apabila diberitahu tentang pengisytiharan Bandaraya Shah Alam sebagai Bandar Selamat pada April 2006. Berikut merupakan reaksi yang diberikan oleh empat orang responden:

- R1 : **Saya tak setuju** [...] bandar selamat kenalah bebas dari pencemaran dan bebas jenayah.  
 R2 : [...] di Shah Alam ni pernah berlaku banjir besar [...].  
 Kemalangan pun tinggi. Jenayah pun tinggi. Penyakit macam denggi pun masih ada lagi. Kedai makan di rizab stesyen minyak tu kotor. **Saya tak setuju** kalau Shah Alam diisytihar sebagai Bandar Selamat sebab masalah-masalah macam ni masih belum dapat diselesaikan.

- R3 : [...] apa benda yang selamat sangat tu? [KETAWA] tak mungkin, **saya tak setuju**. Sebabnya, dari dulu hingga sekarang keadaannya masih sama. Macam banjir, bila dah berlaku baru nak bertindak. Dari segi jenayah, saya tak pasti sama ada tinggi atau rendah. Jenayah yang besar mungkin tak banyak. Tapi, yang kecil tu saya rasa banyak.
- R4 : **Saya tak setuju** sebabnya kes-kes kecurian jenayah dan masalah sosial masih lagi berlaku di Shah Alam. Contohnya kalau kita pergi kawasan stadium Shah Alam, banyak pemuda-pemudi berdua-duaan. Ini boleh mencemarkan bandaraya Shah Alam. Masalah moral. Kenderaan banyak.

Jawapan yang diberikan oleh keempat-empat responden di atas menunjukkan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pengisytiharan tersebut kerana pelbagai permasalahan yang dibangkitkan oleh setiap responden. Secara tidak langsung, pengertian konsep bandar selamat bagi setiap responden dapat dikenalpasti. Jadual 3 menunjukkan pengertian konsep bandar selamat yang diringkaskan dari jawapan-jawapan keempat-empat responden di atas.

**Jadual 3** Konsep bandar selamat menurut pandangan R1, R2, R3 dan R4

	R1	R2	R3	R4
JENAYAH	Bebas jenayah	Jenayah pun tinggi	Jenayah	Kes-kes kecurian jenayah
PENCEMARAN	Bebas dari pencemaran	Kotor	-	-
BENCANA ALAM	-	Pernah berlaku banjir besar	Banjir	-
PENYAKIT	-	Denggi pun masih ada	-	-
KEMALANGAN	-	Kemalangan pun tinggi	-	Kenderaan banyak
MASALAH SOSIAL	-	-	-	Masalah sosial pemuda-pemudi

Ini jelas menunjukkan bahawa jenayah, pencemaran alam sekitar, bencana alam, penyakit, kemalangan dan masalah sosial merupakan isu-isu yang dianggap penting oleh responden. Keempat-empat responden berpendapat bahawa isu-isu tersebut hendaklah ditangani terlebih dahulu bagi melayakkan Bandaraya Shah Alam menjadi bandaraya yang selamat. Di antara keenam-enam isu yang disenaraikan di atas, didapati isu jenayah merupakan isu yang paling utama kerana ia dibangkitkan oleh semua responden tersebut.

### 5.3 Persepsi Responden Tentang Program Bandar Selamat

Melalui temu bual, rata-rata responden tetap berasa selamat walaupun persekitaran fizikal tidak dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan sepenuhnya seperti tiada penghadang khas antara laluan pejalan kaki dengan jalan kenderaan bermotor. Malahan, tiada responden yang mengaitkannya dengan risiko ancaman jenayah bagi memperlihatkan kesedaran responden tentang keperluan agar laluan tersebut dipisahkan. Sebaliknya, responden lebih menitikberatkan keperluan pencahayaan ruang-ruang tersebut sebagai jaminan keselamatan serta membantu mereka untuk berasa lebih selamat dari ancaman jenayah.

Bagaimanapun, responden-responden memperakui perlu usaha-usaha mewujudkan persekitaran fizikal yang selamat. Misalnya, semua responden bersetuju bahawa penyediaan pondok polis di kawasan tempat tinggal mereka merupakan satu keperluan utama yang harus dipenuhi. Berdasarkan temu bual, hanya tempat tinggal R1 yang mempunyai kemudahan tersebut. Penduduk seharusnya berasa lebih selamat dengan adanya pondok polis di kawasan tempat tinggal mereka. Namun demikian, R1 telah memberikan persepsi yang berbeza seperti mana berikut:

R1 : Ada. Depan apartment. [...] Tapi, apartment tu jugalah yang selalu ada pecah rumah. Di rumah *low cost* ni pencuri tak berapa datang. Sebab tak ada apa sangat nak curi kot [KETAWA]. Tulah saya kata tadi, yang berlaku di rumah saya ni kali pertama berlaku di blok ni.

Berdasarkan pengalaman R1 yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa kewujudan pondok polis tidak berupaya meningkatkan keyakinan responden terhadap fungsinya untuk menjamin keselamatan kawasan persekitaran. Keadaan ini telah menimbulkan satu isu berkaitan perlaksanaan dan keberkesanan tugas yang perlu diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab.

Begitu juga halnya dengan penyediaan tempat letak motosikal berkunci khususnya bagi rumah bertingkat seperti rumah pangsa dan pangsapuri. Seramai empat orang responden yang tinggal di rumah bertingkat iaitu R1, R3, R5 dan R6. Keempat-empat responden ini tidak menggunakan tempat letak motosikal. Bagaimanapun, pandangan mereka tentang tahap keselamatan tempat letak motosikal di tempat tinggal mereka turut diambil, iaitu seperti berikut:

R1 : **Tak selamat.** Tempat letak motor pun tak berkunci [...] Kecurian motor memang dah biasalah.

R3 : *Parking* kereta di bawah tu selamat sebab pengawal kita selalu pusing. **Cuma motor, yang park luar pagar tu, selalulah kena curi.** Sekarang kita dalam perancangan nak sediakan lebih *parking* motor supaya motor-motor yang di luar tu boleh *parking* di dalam.



- R5 : Tempat letak motor tak berkunci. Mungkin **perlu diperketatkan sistem penyeliaan**. Contohnya, **kena lebih kerap lakukan rondaan di tempat parking**. Kenalah lebih peka dengan orang yang keluar masuk ke apartment ni.
- R6 : Selamat di kawasan *parking* kereta saja. Untuk motor, tak berkunci. Jadi, macam **kurang selamat untuk motor**.

Berdasarkan keprihatinan semua responden di atas, didapati mereka mempunyai kesedaran tentang risiko berlaku kecurian terhadap motosikal di kawasan tempat tinggal mereka.

Jika diperhatikan, kenyataan R5 menunjukkan bahawa pengawasan atau rondaan keselamatan merupakan satu keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan. Strategi di bawah Program Bandar Selamat memerlukan PBT mengambil tindakan mendapatkan perkhidmatan kawalan sekuriti oleh pihak swasta untuk mengawasi kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah dan vandalisme. Bagi kawasan perumahan, pihak pemaju juga perlu menyediakan kawalan sekuriti yang sama. Bagi penghuni pangsapuri seperti R3, R5 dan R6, kemudahan kawalan sekuriti sememangnya telah disediakan oleh pihak pengurusan masing-masing. Namun demikian, bagi jenis rumah lain didapati usaha tersebut dilakukan sendiri atas inisiatif penduduk. Seperti menurut pandangan R4, persatuan penduduk di tempat tinggal beliau telah mengadakan kawalan sekuriti semenjak bulan September 2006. Berikut merupakan perancangan serta perlaksanaan yang dilakukan oleh persatuan penduduk di kawasan tersebut yang mana dipengerusikan oleh R4.

- R4 : [...] sebenarnya, lepas banjir hari tu, pemaju ada bagi bantuan RM20,000. Tapi duit tu kita tak bagi pada penduduk. Kita peruntukkan untuk pondok *guard*. Pondok ni canggih sikitlah. Sekarang yang ada sementara saja. Kita ada kutip lagi dari penduduk dalam RM20 hingga RM30 seorang. Kebanyakannya setuju. Kita ada 12 fasa. Setiap fasa kita bahagikan kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan akan ambil pengawal yang berdaftar untuk buat kawalan keselamatan. Masih berperingkat-peringkat. Tak dilaksanakan sepenuhnya lagi. Kita mula 21 September lepas.

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa kawalan sekuriti yang diwujudkan ialah berdasarkan inisiatif dan kesedaran penduduk sendiri. Langkah yang diambil oleh penduduk menunjukkan bahawa ia menjadi satu keperluan bagi meningkatkan tahap keselamatan serta mengurangkan perasaan takut kepada jenayah dalam kalangan penduduk seperti mana dinyatakan oleh R3, R5 dan R6 berikut:

- R3 : InsyaAllah selamat [...] **Yakin sebab terkawal. Ada pengawal keselamatan.**

- R5 : **Ya**, sebab **ada pengawal keselamatan**.  
 R6 : **Ya**, rasa selamat. Ada ciri-ciri keselamatan. Senang nak hubungi pihak pengurusan. [...] Di sini **ada pengawal keselamatan**.

Ketiga-tiga responden di atas tinggal di pangsapuri yang lengkap dengan kawalan sekuriti. Berdasarkan pernyataan di atas, jelas menunjukkan keyakinan mereka terhadap tahap keselamatan di pangsapuri yang mereka diami dengan adanya pengawal keselamatan. Ini menunjukkan bahawa responden-responden lebih menitikberatkan Langkah 4, 10 dan 14 dalam senarai Jadual 2 bagi mengurangkan perasaan takut mereka terhadap ancaman jenayah. Ini dibuktikan oleh kenyataan R2 dan R4 berikut:

- R2 : Ada rondaan. **Penduduk buat sendiri**.  
 R4 : Cuma di sekolah tu, waktu-waktu puncak **kita minta sekolah sediakan kawalan** [...] Pondok polis tiada [...] Pernah kita buat cadangan kepada ketua polis daerah Bukit Jelutong. Dah setahun kita minta, tapi masih belum ada apa-apa. Itu yang **kita buat kawalan sendiri. Kita ronda**. Polis ada bagi gambaran tentang mana-mana tempat yang kena jaga-jaga. **Kita ada buat kempen Rakan Cop tahun 2005 [...] Kita ada sampaikan flyers**. Atau sampaikan di surau. [...] Kita peruntukkan untuk pondok *guard*. [...] Setiap kumpulan akan ambil pengawal yang berdaftar untuk buat kawalan keselamatan. [...] **Kita ada minta tolong dari balai polis untuk memantau keselamatan di sini**.

Berdasarkan pernyataan di atas, didapati bahawa segala kegiatan kemasyarakatan di tempat tinggal mereka dilaksanakan atas daya usaha persatuan penduduk. Usaha serta peranan yang dimainkan oleh persatuan penduduk amat penting dalam usaha menyampaikan pelbagai maklumat kepada penduduk termasuklah maklumat jenayah. Berikut merupakan cara-cara penduduk mendapatkan maklumat jenayah:

- R1 : [...] kalau ada kejadian apa-apa, **ketua blok akan tampal notis peringatan** di papan kenyataan di bawah.  
 R2 : Selalunya **jiran yang beritahu**.  
 R3 : Daripada **makluman orang ramai. Kita pun pernah tampal poster pasal jenayah**. Penduduk yang tampal. Sebab masa tu ada kempen jenayah buat dalam tahun 2005. Kempen tu penerangan oleh polis tentang Rakan Cop [...] Macam **risalah, ada juga hantar dari rumah ke rumah**. Persatuan penduduk buat. Tak pun, **pengerusi penduduk akan hebahkan di masjid**.

- R4 : Polis ada bagi gambaran tentang mana-mana tempat yang kena jaga-jaga. [...] **Kita ada sampaikan flyers. Atau sampaikan di surau.**
- R5 : **Berita di TV atau rakan-rakan yang beritahu. Pihak pengurusan pun ada tampal notis.**
- R6 : Ada **kawan-kawan beritahu [...] Melalui notis-notis dan berita yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan.**
- R7 : [...] **Selalu mesyuarat** sebab nak bincang tentang tempat macam pasal kebersihan atau keselamatan.

Berdasarkan jawapan-jawapan di atas, jelas menunjukkan bahawa setiap responden memperoleh maklumat jenayah daripada jiran tetangga, sahabat handai, persatuan penduduk atau pihak pengurusan. Ini menunjukkan setiap responden mempunyai hubungan yang baik dengan jiran tetangga mereka. Hubungan tersebut dipereratkan lagi melalui pelbagai aktiviti kemasyarakatan dalam komuniti masing-masing. Ini diperakui oleh setiap responden apabila diajukan soalan tentang hubungan mereka dengan jiran tetangga serta kegiatan kemasyarakatan di kawasan tempat tinggal masing-masing seperti mana berikut:

- R1 : **Kenal** [...] Suami saya selalu hadir mesyuarat [...] **Boleh minta tolong dengan jiran.** Lagipun, anak saya pun jiran yang jaga bila saya pergi kerja [...] **Kenal Jawatankuasa Blok. Kalau apa-apa hal beritahu ketua blok.**
- R2 : **Kenal.** Satu lorong tu semuanya kenal. Hubungan antara jiran pun baik [...] **Selalu ada majlis buat sama-sama** [...] setiap lorong pun ada aktiviti macam **barbecue.**
- R3 : Kempen jenayah [...] Boleh dikatakan lebih **50 peratus yang saya kenal dan diorang kenal saya** [...] Saya selalu berpesan pada jiran, kalau apa-apa berlaku hubungi terus pengawal. Kalau jiran-jiran yang kenal tu, ada juga yang hubungi saya [...] **Kenal persatuan penduduk** [...] Masyarakat di sini bermuafakat. Mereka dapat selesaikan masalah ikut aduan penduduk.
- R4 : **Kenal. Dengan Cina dan India pun kita baik. Mereka pun ada wakil dalam persatuan penduduk** [...] walaupun kita berlainan kaum, berlainan fahaman politik, tapi kita tetap bersatu [...] Kita buat **perjumpaan** [...] Kita juga ada buat **program ramah mesra** [...] Macam **jamuan hari raya**
- R7 : **Kenal. Orang sebelah-menyebelah saya Melayu, pun kenal.** Selalu mereka jemput kalau ada makan macam raya ke, buka puasa ke [...] **Selalu mesyuarat** sebab nak bincang tentang tempat macam pasal kebersihan atau keselamatan. Ada buat **gotong-royong** juga.

Jawapan kelima-lima responden di atas menunjukkan wujud hubungan yang rapat antara mereka dengan jiran tetangga. Responden-responden juga mengenali ahli jawatankuasa persatuan penduduk di tempat tinggal mereka.

## 6.0 KESIMPULAN

Dalam melaksanakan Program Bandar Selamat, langkah lebih drastik telah dilaksanakan dan melalui definisi konsep bandar selamat dan matlamat yang telah digariskan oleh KPKT. Malahan, definisi dan matlamat tersebut juga sebenarnya telah menepati keperluan dan keutamaan beberapa individu berdasarkan penemuan kajian ini. Ia telah mengambil kira pelbagai masalah keselamatan masyarakat daripada segi nyawa, harta benda dan moral. Sekali gus, inisiatif ini memperlihatkan usaha kerajaan yang begitu serius dalam membangunkan program ini untuk menjamin keselamatan masyarakat bandar untuk jangka masa yang panjang.

Bagaimanapun, ia hanya bertepatan di peringkat dasar atau polisinya sahaja. Sebaliknya, apabila berada di peringkat pelaksanaan sebenar ia ternyata masih mempunyai pelbagai kekurangan. Ini kerana, Garis Panduan Program Bandar Selamat yang ditetapkan oleh JPBD itu sendiri hanya bertujuan menangani permasalahan seperti mana matlamat pertama, iaitu menjadikan bandar bebas dari keganasan nyawa dan harta benda sahaja. Jika langkah tersebut sebenarnya dilakukan untuk menangani isu keselamatan masyarakat bandar di negara ini dalam jangka masa pendek sekalipun, prestasinya masih rendah berikutan peningkatan kadar kes jenayah masih berterusan sehingga ke hari ini. Malahan, pengiktirafan Bandar Selamat juga hanya merujuk kepada komitmen PBT dalam melaksanakan garis panduan yang dikeluarkan oleh JPBD, tanpa mengambil kira pencapaiannya dalam menangani isu keselamatan secara keseluruhannya. Sekali gus, ia menunjukkan tentang pemahaman sebenar Bandar Selamat di peringkat perlaksanaannya di negara ini.

Selain itu, berdasarkan pandangan yang diberikan oleh responden, garis panduan tersebut ternyata masih mempunyai pelbagai kelemahan. Sesetengah langkah seperti pengasingan laluan pejalan kaki dan pondok polis misalnya kurang memberi kesan kepada responden untuk berasa selamat daripada ancaman jenayah. Sebaliknya, responden berpandangan bahawa langkah-langkah lain terutamanya dari segi peranan pengawal keselamatan dikatakan lebih penting untuk meningkatkan tahap keselamatan kawasan tempat tinggal mereka.

Pandangan responden tentang kepentingan pengawal dan rondaan keselamatan juga menunjukkan responden meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap langkah-langkah tersebut. Ini dibuktikan melalui penglibatan mereka dalam usaha-usaha menyebarkan maklumat jenayah yang disalurkan melalui pelbagai kegiatan kemasyarakatan. Sememangnya, langkah-langkah ini sebenarnya telah digariskan di dalam strategi ketiga dalam garis panduan pencegahan jenayah yang disediakan JPBD. Namun demikian, didapati bahawa PBT kurang memberikan komitmen terhadap strategi ini. Ini dibuktikan melalui tahap pengetahuan responden tentang Program

Bandar Selamat serta pendapat mereka tentang pengisytiharan Bandaraya Shah Alam sebagai Bandaraya Selamat.

Kajian ini turut mendapati bahawa reka bentuk persekitaran fizikal yang ditekankan oleh Teori CPTED sebenarnya lebih merupakan satu nilai tambah yang bertujuan untuk memudahkan pengawasan dalam kalangan penduduk. Sebaliknya, keselamatan dikatakan amat bergantung kepada kegiatan-kegiatan kemasyarakatan bagi mengeratkan hubungan kejiwaan yang didapati amat membantu untuk meningkatkan kesedaran mereka terhadap tanggungjawab untuk sama-sama menjaga keselamatan persekitaran dan jiran tetangga. Rasa tanggungjawab ini lahir secara semulajadi dalam masyarakat yang mempunyai nilai moral yang tinggi. Bagaimanapun, bagi meningkatkan keberkesanan langkah-langkah yang membabitkan persekitaran fizikal, kerajaan melalui agensinya yang bertanggungjawab ke atas program ini hendaklah menyediakan garis panduan yang lebih terperinci serta mengambil kira pandangan pelbagai pihak terutamanya orang awam.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini terutamanya kepada Jabatan Sains Pembangunan, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi. 2006. *Islam Hadhari: A Model Approach for Development and Progress*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Anon. 2004. Bandar Selamat Bebas Ancaman Fizikal, Sosial dan Mental. *Berita Harian*. 26 Oktober. <http://www.kpkt.gov.my/akhbar> [25 Julai 2006].
- Anon. 2005. PBT Digesa Tambah CCTV. *Utusan Malaysia*. 19 Ogos. <http://www.kpkt.gov.my/akhbar> [25 Julai 2006].
- Brantingham, P. J. & F. L. Faust. 1976. A Conceptual Model of Crime Prevention. *Crime and Delinquency*. 22: 284-296.
- Burchell, R. W. & G. Sternlieb. (eds.). 1984. *Planning theory in the 1980s: A Search for Future Directions*. New Jersey, USA: Center for Urban Policy Research.
- Creswell, J. W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. London: Sage Publications.
- Crouch, D. P. 1985. *History of Architecture, Stonehenge to Skyscrapers*. New York: McGraw Hill.
- Cozens, P. M. et al. 2001. Crime and the Design of Residential Property – Exploring the Theoretical Background (Part 1). *Property Management*. 19(2): 136-164.
- Cozens, P. M. 2002. Sustainable Urban Development and Crime Prevention Through Environmental Design for the British city. Towards an Effective Urban Environmentalism for the 21<sup>st</sup> Century. *Cities* 19(2): 129-137.
- Cozens, P. M. et al. 2005. Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED): A Review and Modern Bibliography. *Property Management*. 23(5): 328-344.
- Cummins, R. A. 1999. A Psychometric Evaluation of the Comprehensive Quality of Life Scale-fifth Edition. Dlm. Yuen, B. et al. (pnvt.) *Urban Quality of Life: Critical Issues and Options*. Singapura: National University of Singapore.

- Eynde, J. V. *et al.* 2003. They Look Good but don't Work: A Case Study of Global Performance Indicators in Crime Prevention. *Eveluation and Program Planning*. 26: 237-248.
- Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam. 2006. Laporan kedudukan jenayah indeks daerah Shah Alam: Perbandingan tahun 2004 dan tahun 2005. Bahagian Siasatan Jenayah.
- Jacobs, J. 1961. *The Death and Life of Great American Cities*. New York: Random House.
- Jeffrey, C. 1972. *Crime Prevention Through Environmental Design*. Beverly Hills: Sage.
- Kamalruddin Shamsudin. 2006. Pencapaian pelaksanaan program Bandaraya Shah Alam. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Bandar 2006. Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam. Subang Jaya, 4-5 September.
- Lab, S. P. 1988. *Crime Prevention: Approaches, Practices and Evaluations*. Anderson Publishing Co.
- Lee, L. T. 1998. Perlu Segera Wujudkan Konsep Bandar Selamat. *Utusan Malaysia*, 11 Februari.  
<http://www.utusanonline.com.my> [25 Julai 2006]
- Maslow, A. 1954. *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row.
- Merry, S. E. 1981. Defensible Space Undefined: Social Factors in Crime Control Through Environmental Design. *Urban Affairs Quarterly*. 16: 397-422.
- Mohd. Reduan Aslie. 1990. *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- Moser, C. 2004. Urban Violence and Insecurity: An Introductory Roadmap, Editor's Introduction, *Environment and Urbanization*. 16(2): 3-16.
- Moser, C. and McIlwaine, C. 2001. Violence and Social Capital in Urban Poor Communities: Perspectives from Colombia and Guatemala. *Journal of International Development*. 13: 965-84.
- Moser, C and McIlwaine, C. 2006. Latin American Urban Violence as a Development Concern: Towards a Framework for Violence Reduction. *World Development*. 34(1): 89-112.
- Neutra, R., *et al.* 1981. LA School History.  
[http://www.usc.edu/schools/college/la\\_school/key\\_articles/key\\_history.html](http://www.usc.edu/schools/college/la_school/key_articles/key_history.html). (12 Ogos 2006).
- Newman, O. 1972. *Defensible Space*. New York: Macmillan Lynch, K. 1960. *The Image of the City*. Cambridge: MIT Press.
- Newman, O. & Franck, K. A. 1980. *Factors Influencing Crime and Instability in Urban Housing Developments*. Washington, D.C.: National Institute of Justice.
- Othman Lebar. 2007. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pain, R. & T. Townshend. 2002. A Safer City Centre for All? Senses of 'community safety' in Newcastle Upon Tyne. *Geoforum*. 33: 105-119.
- Paulsen, D. J. & M. B. Robinson. 2004. *Spatial Aspects of Crime: Theory and Practice*. Boston: Pearson Education, inc.
- Rondeau, M. B. *et al.* 2005. The Value of Environmental Criminology for the Design Professions of Architecture, Urban Fesign, Landscape Srchitecture and Planning. *Journal of Architectural and Planning Research*. 22(4): 294-302.
- Syed Arabi Idid. 1998. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Dains Dosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- UN-Habitat. 1996. Safer Cities Program. <http://www.unhabitat.org> [7 September 2006].
- Wilson, J. & G. Kelling. 1982. Broken Windows: The Police and Neighbourhood Safety. *The Atlantic monthly*, March: 29-38.
- Wood, E. 1961. *Housing Design: A Social Theory*. New York: Citizen's Housing and Planning Counsel of New York.
- Wood, E. 1967. *Social Aspects of Housing in Urban Development*. Department of Economic and Social Affairs. United Nation. New York.
- Yahaya Udin. 2006. Pendekatan Pasukan Polis dalam Pencegahan Jnayah Bandar. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Bandar 2006. Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam. Subang Jaya, 4-5 September.
- Yeoh, C. 2006. 69 Peratus PBT Gagal Lahirkan Bandar Selamat. *Utusan Malaysia*, 26 Februari.  
<http://www.kpkt.gov.my/akhbar> [25 Julai 2006].
- Yuen, B. *et al.* 1999. *Qualities of Life in Cities-definition, Approaches and Research*. Dlm. Yuen, B. *et al.* (pnyt.) *Urban Quality of Life: Critical Issues and Options*, hlm. 1-12. Singapura: National University of Singapore.
- Yuen, B. 2004. Safety and Dwelling in Singapore. *Cities*. 21(1): 19-28.